

Najib arah MAS kaji tambang

Kenaikan cecah 70 peratus diumumkan baru-baru ini dianggap keterlaluan

OLEH VEENA RUSLI

PENAMPANG: Datuk Seri Najib Razak berkata, Penerbangan Malaysia (MAS) sedang mengkaji semula peratus kenaikan harga tambang sektor domestiknya, terutama bagi kelas perniagaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, syarikat itu diarah berbuat demikian berikutan kenaikan harga yang diumumkan baru-baru ini hingga mencecah 70 peratus dianggap keterlaluan.

"Beberapa menteri Kabinet dari Sabah dan Ketua Menteri (Datuk Seri Musa Aman) turut menyifatkan kenaikan itu sebagai membebankan pengguna dan mereka mahu ia dikaji semula.

"Saya rasa pandangan berkenaan dikongsi semua pihak di Sabah dan ia sudah diajukan kepada pengurusan MAS"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

"Saya rasa pandangan berkenaan dikongsi oleh semua pihak di Sabah dan ia sudah diajukan kepada pengurusan MAS," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke-21 di Dewan Hongkod Koisaan (KDCA) di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, struktur Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) akan diperkemaskan dalam memastikan hanya golongan bertanggungjawab dipilih menganggotainya.

"Kita akan cuba mencari mereka yang difikir dapat menjalankan tugas sebagai anggota Rela dengan baik tetapi bukan mudah untuk kita mengenal pasti apa yang mereka akan lakukan kelak.

"Justeru, kalau ada anggota keselamatan tidak kiralah sama ada Rela, tentera atau polis yang melanggar undang-undang, kita akan ambil tindakan tegas berdasarkan perkhidmatan itu sendiri," katanya.

Kelmarin, enam penjenayah termasuk seorang anggota Rela mati ditembak polis dalam operasi di Taman Perindustrian Mentakab.

Mengenai cadangan mengisytiharkan Hari Malaysia, iaitu 16 September sebagai cuti umum, Najib berkata, ia akan dibincang di Kabinet jika perkara itu dibangkitkan.